



**MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1**

Monday 22 May 2006 (morning)  
Lundi 22 mai 2006 (matin)  
Lunes 22 de mayo de 2006 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only. It is not compulsory for you to respond directly to the guiding questions provided. However, you may use them if you wish.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire sur un seul des passages. Le commentaire ne doit pas nécessairement répondre aux questions d'orientation fournies. Vous pouvez toutefois les utiliser si vous le désirez.

**INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento. No es obligatorio responder directamente a las preguntas que se ofrecen a modo de guía. Sin embargo, puede usarlas si lo desea.

Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:

1. (a)

5 Iklan yang Mama dan Pak Cik Wangus masukkan dalam surat khabar telah mendapat sambutan, termasuk seorang tukang masak, Halim yang baru berhenti dari Hard Rock Café. Halimlah yang mereka pilih. Enam lagi pekerja Indonesia yang Mama ambil bekerja. Untuk tempat tinggal mereka Mama sewakan sebuah flat di Bukit Mertajam. Dengan pinjaman bank, Mama membeli sebuah van untuk mengangkut pekerja Indonesia itu, dan juga sebuah jip untuk mengangkut bahan-bahan segar setiap pagi dari pasar basah.

10 Kesemua pembelian itu merunsingkan aku, sebab tidak mungkin Mama mempunyai duit sebanyak itu. Pernah aku terdengar perbualan mereka di dalam jip tentang rancangan untuk memperluas perniagaan katerer mereka kepada tiga lagi kantin dalam kilang-kilang yang baru dibuka di kawasan Butterworth.

Ramailah pekerja pejabat dan eksekutif, memenuhi restoran baru Mama yang bernama “The Enchanted Meals” sewaktu makan tengah hari. Pekerja Indonesia dari Sulawesi dan Timor amat perlahan dan kekok, sehingga Mama meminta aku menolong melayan pelanggan dan membasuh pinggan mangkuk selepas sekolah.

15 Berulang kali aku perhatikan tukang masak Halim dan Pak Cik Wangus bertikam lidah tentang cara restoran itu harus dikendalikan. Pak Cik Wangus mengerah Halim membuat itu dan ini, seperti seorang bos yang keras hati yang serba tahu, sedangkan dia tidak tahu pangkal hujungnya pun. Halim tersinggung sebab dia menyangka sekurang-kurangnya pengalamannya yang luas itu dihormati.

20 Selepas tiga minggu, Halim meminta gajinya. Dahulunya secara lisan mereka bersetuju membayar dia 100 ringgit seminggu, sama seperti di Hard Rock Café. Pak Cik Wangus menjawab bahawa kerja Halim kurang memuaskan, lantas menegaskan bahawa gajinya hanya 30 ringgit seminggu, sama seperti pekerja Indonesia yang melayan dan membasuh pinggan. Meradang sungguh Halim. Dia membuka apronnya, mengangkat belanga kari ikan dan menghumbkannya ke atas lantai sehingga tertumpah di atas kasut para pelanggan. Pelanggan-pelanggan itu mahu menyaman restoran. Halim menjawab, “Samanlah, samanlah!” Dia terus keluar sambil menyumpah dan memaki hamun Pak Cik Wangus.

30 Sejak hari itu bilangan pelanggan berkurangan. Tiga daripada pekerja Indonesia itu lesap; yang tiga lagi berhenti dan bekerja dengan McDonald yang baru sahaja dibuka di seberang jalan. Hari-hari berikutnya semangat Mama pun menjunam; dia kembali termenung memandang tingkap. Kini tanpa pekerja dia sendiri yang membeli-belah dan tawar-menawar di pasar, memberhentikan jip di lorong larangan, sedangkan Pak Cik Wangus duduk di belakang stereng membaca akhbar. Mama menjinjing beg berisi daging, ikan, bawang dan lada masuk ke jip. Pak Cik Wangus membuka pintu jip untuknya pun tidak. Mama memasak, menghidang, melayan, membersihkan meja dan Pak Cik Wangus duduk di meja juruwang yang bunyinya kian hari kian mengurang. Mama tidak berupaya membayar sewa kedai dan rumah flat. Tuan punya kedai rumah flat itu datang dan mereka setuju untuk menanti sampai bulan depan, sebab Mama telah membayar deposit sebulan untuk kedua-dua premis itu.

40 Kemudian datang pula pegawai-pegawai bank dan mereka duduk di meja, menyemak kembali borang-borang pinjaman. Mama dan Pak Cik Wangus berunding semula cara membayar balik. Setelah pujuk memujuk, para pegawai itu pun pergi, membawa bersama mereka van dan jip. Malam itu juga, sebelum restoran ditutup, tiga samseng masuk meminta Pak Cik Wangus membayar atau menerima padah.

Dipetik daripada Zakaria Ali  
“Bapa Tiriku, Pak Cik Wangus,”  
*Dewan Sastera*, Disember 2002.

- Apakah tema dan persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh penulis?
- Bincangkan peranan watak-watak sampingan dalam petikan ini terhadap perkembangan konflik yang dihadapi.
- Bincangkan gaya bahasa dan teknik penceritaan yang digunakan penulis.
- Apakah penilaian anda terhadap sikap dan keperibadian watak Mama?

1. (b)

**Ke Mana Hilangnya Bendang Kita**

Bonda,  
aku rindukan kampung kita yang dulu  
aku rindukan bendang kita ketika padi  
mula menguning bagaikan lautan emas berombak  
5 ketika dipuput bayu  
aku rindukan suara burung pipit yang berebut  
menjamah padi ketika mula masak  
aku rindukan lincahnya puyu berenang di celah-celah  
rumpun padi yang mula membesar  
10 aku rindukan anak sungai yang mengalir jernih  
di dalamnya sarat dengan sembilang, sepat, haruan  
yang sentiasa menanti memakan umpan pancing kita  
dan yang paling aku rindukan bonda  
menjamah beras baru yang dulu kita raikan sekeluarga  
15 dengan berlaukan daging ayam kampung yang lazat.

Bonda,  
kini bendang kita dihuni mensiang yang meninggi  
senduduk semakin banyak tumbuh meliar  
anak sungai diganti dengan sungai batu  
20 yang terkadang airnya laju dan terkadang lesu  
burung pipit merajuk membawa diri entah ke mana  
dan sawah kita mungkinkah dihuni oleh si batik ular sawa.

Bonda,  
akan pulihkah bendang kita kembali?  
25 atau akan hilang dan tidak berganti?

**Hanis N.S.**  
*Dewan Sastera, Julai, 2002*

- Apakah persoalan-persoalan yang terdapat dalam puisi ini?
- Bincangkan unsur-unsur imejan yang digunakan oleh penyair?
- Bagaimanakah penyair membina nada puisi ini?
- Apakah sikap dan pemikiran penyair terhadap perkembangan masa kini seperti yang tergambar pada puisi di atas?